

Kota Tinggi dilanda banjir, 252 mangsa dipindah

KOTA TINGGI 22 Jan. - Seramai 252 orang daripada 56 keluarga dipindahkan ke lima pusat pemindahan banjir di sini mulai malam tadi berikutan kediaman mereka dinaiki air.

Pegawai Daerah Kota Tinggi, Ismail Karim (**gambar**) berkata, kesemua mangsa dari tiga perkampungan di Tanjung Sedeli di sini iaitu Kampung Tun Seh (14 keluarga melibatkan 62 orang), Kampung Gembut Dalam (23 keluarga - 91 orang) dan Kampung Perepat (tujuh keluarga - 37 orang) mula dipindahkan ke balai raya kampung masing-masing mulai pukul 8 malam.

"Dua lagi pusat pemindahan banjir yang dibuka pukul 12 tengah hari ini iaitu Dewan Kampung Baru Sungai Mas melibatkan 39 orang daripada lima keluarga dan Dewan Serbaguna Kampung Mawai Baru melibatkan 28 orang daripada tujuh keluarga," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata, hujan lebat yang kembali melanda daerah ini sejak petang semalam menyebabkan paras air di beberapa sungai utama

mula meningkat, namun masih di paras berjaga-jaga.

"Mangsa dipindahkan apabila penempatan mereka dinaiki air sehingga 0.1 hingga satu meter. Setakat ini, kawasan lain terutama di Bandar Kota Tinggi dilaporkan tidak mengalami banjir.

"Keadaan cuaca di Kota Tinggi ketika ini mendung dengan sesekali hujan lebat dan orang ramai yang menetap di kawasan rendah diminta berjaga-jaga dan mematuhi arahan pihak berkuasa," katanya.

Sementara itu, di Mersing, keadaan banjir dilaporkan bertambah buruk apabila

jumlah mangsa yang dipindahkan meningkat kepada 1,700 orang berbanding 269 kelmarin.

Mangsa banjir itu ditempatkan di tujuh buah pusat pemindahan di daerah tersebut.

Kawasan paling teruk terjejas adalah di Kampung Sri Lumpur dengan jumlah mangsa seramai 721 orang manakala penempatan Orang Asli seperti di Kampung Peta terputus hubungan.



SEBUAH kediaman penduduk dinaiki air berikutan hujan lebat di Kampung Gembut Dalam, Tanjung Sedeli, Kota Tinggi, Johor, semalam.